

## Kerja sistem RTS Link Johor-Singapura berjalan lancar

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Mei 12, 2021 @ 2:56pm

[hazwanfaisal@mediaprima.com.my](mailto:hazwanfaisal@mediaprima.com.my)



(Gambar fail) Reka bentuk Fakad (Facade) Stesen Laluan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura oleh Ar Chin Yee Chong dari SM Architects Sdn Bhd.

KUALA LUMPUR: Kerja-kerja Sistem membabitkan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link Johor Bahru-Singapura kini berada dalam landasan tepat, demikian mengikut pengendali RTS Link, RTS Operations Pte Ltd (RTSO).

Dijadualkan siap pada akhir 2026, RTS Link akan menyediakan hubungan lebih baik dan pantas untuk masyarakat yang tinggal dan bekerja di kedua-dua belah tambak.

Pengerusi RTSO, Datuk Mohd Farid Mohd Adnan berkata, pihaknya memahami kepentingan strategik RTS Link dalam membawa manfaat ekonomi dan sosial yang signifikan di kedua-dua belah tambak, yang mana tidak lama dahulu adalah salah satu laluan sempadan darat paling sibuk di dunia.

"Bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Shamsul Rizal Md Yusof, yang mula menyertai kami pada September 2020, lembaga dan pengurusan RTSO komited

sepenuhnya untuk melaksanakan projek RTS walaupun terdapat cabaran yang timbul akibat pandemik COVID-19," katanya dalam kenyataan hari ini.

Setiap hari hampir 300,000 orang melalui sempadan Malaysia-Singapura untuk bekerja dan perjalanan mereka di landasan rel baharu sejauh empat kilometer itu dari satu negara ke negara lain dijangka hanya mengambil masa lima minit, tidak termasuk pelepasan kastam.

RTS Link dianggarkan mempunyai kapasiti untuk mengangkut sehingga 10,000 penumpang setiap jam ke setiap arah.

RTSO baru-baru ini menganugerahkan sembilan kontrak bernilai kira-kira RM1 bilion dengan empat daripadanya ialah kontrak untuk sistem teras.

CRRC Zhuzhou Locomotive Co Ltd dianugerahkan kontrak untuk 'Rolling Stock'; Siemens Mobility Sdn Bhd dan Siemens Mobility Pte Ltd pula menerima kontrak 'Signalling and Platform Screen Doors'.

Sapura Rail Systems Sdn Bhd dianugerahkan kontrak untuk baki dua lagi sistem teras iaitu sistem komunikasi dan sistem kawalan pengawasan bersepadu.

Sebelum itu, kontrak perundingan sistem diberikan kepada firma kejuruteraan CH2M Services Sdn Bhd untuk memberikan perkhidmatan perundingan untuk reka bentuk, pembuatan, penghantaran, pengujian dan pengoperasian semua sistem untuk rangkaian RTS.

Sementara itu Naib Pengerusi RSTO, Yap Kim Wah, berkata projek dua hala yang penting ini akan mempererat lagi hubungan komersial, budaya dan jalinan antara kedua-dua negara.

"Kemajuan baik yang dicapai dalam projek RTS Link ini adalah bukti kerjasama erat antara semua pihak. Setelah selesai, penumpang RTS Link yang tiba dari Johor Bahru dapat melihat sambungan lancar ke bahagian lain Singapura melalui Stesen Woodlands North di Laluan Pantai Thomson-East," katanya.